

AGAMA YANG POSITIF

[Rencana yang berharga ini yang sengaja ditulis untuk siaran majalah “Qalam” ialah buah pena al-Ustādh “Dhūlkifli Muḥammad” yang baharu-bahari ini telah dipilih menjadi guru di Kolej Islam dan juga setiausahanya-Pengarang].

(Oleh: Dhūlkifli Muḥammad)

Agama bukan hanya kepercayaan tetapi juga amalan sedang amalan itu adalah giat (positif) dalam masyarakat kita agama selalu diertikan dengan “tabu” (tegahan) lebih luas dari suruhan dan perintah. Ini telah menimbulkan ketumpulan rasa terhadap agama di kalangan orang-orang yang mahu bertenaga dan bersifat dinamik dalam hidup.

Jadi suatu pandangan yang tepat kepada agama adalah penting, sampai iaitu menjadi pemacu kemajuan masyarakat dan mengawal perjalanannya dengan tidak mematahkan dan

membantutkan perkembangannya. Memandang agama sebagai suatu kepercayaan dan asas amalan yang negatif semata-mata bukan sahaja salah tetapi berbahaya. Malangnya pandangan seperti itu telah dianut masyarakat kita atas nama agama hingakan menimbulkan akibat-akibat yang buruk dan menjauhkan anggota masyarakat dari agama dan hidup beragama.

Kalaulah agama telah dikemukakan secara positif lebih luas maka sudah barang tentu masyarakat memandangnya sebagai pendorong hidup bererti tidak hanya sebagai penghibur

kekecewaan manusia.

Dengan keadaan yang ada serta pandangan yang dibentuk secara negatif itu agama hanya dipandang sebagai hakim yang memberi puji dan keji kepada kelakuan hidup manusia semata. Ukuran itu dihitng atas darjat “pahala” dan “dosa” yang tiada diberi asas moral



Cogan Persatuan Persidangan Pemuda Islam Sedunia (Mu'tamar Shabāb al-'Ālam al-Islāmī)

yang cukup kukuh untuk membolehkan menjadi sendi utama dalam hidup manusia.

Pandangan yang mentafsirkan agama secara tak bertenaga ini bukan baharu. Tidak lama setelah Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam* wafat sebahagian orang-orang Yahudi dan Nasrani yang menganuti islam dengan niat buruknya telah mentafsirkan Quran menurut khurafat dan dongeng yang terdapat dalam buku-buku kedua agama itu, berniat hidup negatif dari pentafsiran itu berkembang dan mendapat sambutan dari orang-orang Islam yang malas dan berjiwa rendah di zaman-zaman yang berikut kemudiannya hingga masyarakat Islam menjadi masyarakat tak bertenaga dan pandangannya terhadap agama merusuh menjadi tabu hidup.


Sikap memandang segi negatif agama itu telah menjadikan agama suatu hakikat diluar manusia. Agama adalah satu kepercayaan dan cara hidup yang duduknya dalam jiwa dan hati manusia. Manusia Islam mestilah hidup dengan agamanya, bukan di bawah agamanya. Membawa agama dalam hidup adalah antara menuntut wujudnya sikap bertenaga dan giat, tidak hanya negatif. Hidup secara agama positif adalah memberi dorongan zat bagi manusia dalam melaksanakan tujuan hidupnya menurut galakan dan kekuatan desakan asasnya. Sebaliknya beragama secara negatif adalah hanya membuat batas dan garisan lintang pencegah dinamo hidup dalam gerakan. Ini adalah berlawanan dengan falsafah Islam sebagai penarik perjalanan kemajuan hidup manusia.

Kita tidak menafikan adanya tegahan dan batasan gerak dalam Islam, yang dibahaskan ialah sikap kita terhadapnya. Tiada suatu tegahan di dalam islam yang tak berasas akal atau bersebab peri kehambaan diri manusia. Ini membawa satu kesimpulan yang penting; iaitu Islam bukannya agama negatif sebagai tabiat asalnya. Islam tidak menegah semata-mata untuk mencegah, tetapi kerana masalah yang

didapat dari tegahan itu. Adanya tegahan-tegahan Islam yang tertentu mungkin menutup pintu-pintu yang tertentu. Tetapi Islam membukakan pintu-pintu lain yang lebih luas dan lebih selamat bagi kelakuan hidup manusia. Perkara-perkara yang halal itu terang dan perkara yang haram itu terang tetapi manusia sengaja mencari yang haram untuk dilakukannya. Jadi sikap negatif itu bukanlah dari Islam tetapi dari tabiat manusia sendiri. Dalam satu tegahan Islam ada seribu kelapangan lain untuk dijalankan tetapi manusia lebih gemar pada barang yang ditegah.

Walaupun bagaimanapun, masih belum terlambat bagi masyarakat kita untuk beragama secara positif dan membina. Bongkarlah kitab suci Islam dan hadis nescaya zahir bahawa manusia yang dikehendaki Islam ialah pencipta yang membuat. Bukan cukup bagi orang Islam dengan hanya bersifat baik dan memegang pendilut hidup dengan tak bertenaga, perbezaan antara “bersifat” dan “membuat” bukanlah kecil. Kita hanya bersifat, tidak sungguh membuat. Di sinilah rahsia kelemahan masyarakat kita yang masih belum mahu positif ini.

De Boucat, dalam bukunya “Kitab-kitab Suci Di Dunia” telah menyebut bahawa agama Islam adalah menyeru kepada kepada kemalasan kerana iaitu melebihkan ibadat daripada kerja. Agaknya buta tuli beliau adalah salah dan menunjukkan kejahilannya yang terang. Tetapi bukan sahaja dia yang berpendapat begitu malahan juga banyak dari orang Islam sendiri yang tak kurang jahilnya dari orang yang bukan Islam sebenarnya, tiada satu agama di dunia yang lebih positif dan lebih bertenaga dari islam. Dalam Islam amalan adalah gambaran iman yang tak dipisahkan, walau sekalipun. Firman Tuhan: “*Wa qul a ‘malū fasīrya Allāh ‘amalukum wa rasūluh*” Maksudnya: “Katakanlah wahai manusia kepada mereka: Beramallah kamu maka Allah dan Rasul-Nya akan melihat amal kamu itu”.



Wakil-wakil Indonesia di Persidangan Pemuda Islam Sedunia yang telah diadakan di Karachi baharu-baharu ini. Di tengah-tengah (perempuan) ialah Nyonya Mariati Adnan di kanannya Saudara 'Imrān Rashīdī dan dikiranya saudara Mr Anwar Haryono (ketua rombongan).

Amalan positif adalah lebih dihargai dalam Islam. Nabi kita bersabda: “Orang kaya yang syukur itu adalah lebih baik dari orang miskin yang sabar”. Kekayaan dan syukur adalah sifat positif dan iaitu dilebihkan Rasulullah daripada kemiskinan dan sabar yang negatif. Sungguhpun “sabar” itu sifat utama (*faḍīlat*) yang tinggi iaitu kalah di hadapan “syukur” yang merupakan tenaga berbuat. “Syukur” yang dimaksudkan di sini ialah syukur hakiki yang bermakna bahawa sesuatu nikmat yang diterima itu diletakkan pada tempatnya. Syukur secara itu adalah bertenaga dan berguna lebih dari sabar yang hanya statik.

Kepada kita sendiri adalah jelas bahawa falsafah bertenaga dalam hidup yang dianjurkan Rasulullah itu adalah bermakna dalam dan besar. Ini telah hilang dari masyarakat kita beberapa lama. Selaput yang dicamurkan ke atas Islam yang telah menjauhkan pemeluk-pemeluknya sendiri

daripadanya itu penting ditinggalkan dan falsafah hidup yang bersih dari kekotoran-kekotoran penting dikemukakan dan dimesrakan dengan umat kita.

Kita adalah hidup dalam dunia yang sentiasa bergerak dan membuat. Perlumbaan hidup bertambah kuat dan hebat sekiranya waktu kita dihabiskan dengan menghitung dan menimbang sahaja sudah barang tentu kita tenggelam. Rasul Allah tidak mengembangkan Islam semata-mata dengan teori-teori muluq tetapi dengan penciptaannya. Dia membangunkan satu masyarakat dari keruntuhan masyarakat Jahiliah, dan pembangunan itulah yang memberi nilai bakti beliau kepada alam itu. Sekiranya beliau bersikap negatif semata dan cukup dengan tidak turut rosak dalam kerosakan masyarakat di zaman itu maka sejauh-jauhnya beliau dianggap seorang ahli sufi yang kuat pendirian dan kuasa pertahanan jiwanya sahaja. Itu tidak menyumbangkan sesuatu kepada alam selain dari dirinya sendiri.

tetapi dengan sifat positif itu dunia adalah terhutang budi kepadanya.

Untuk meletakkan agama sebagai anasir positif dalam kesempurnaan diri dan kemajuan masyarakat maka suatu ukuran baru kepada diri dan masyarakat hendaklah diadakan. Ukuran baru itu adalah ukuran Islam sebenar-benarnya secara penuhnya, tidak hanya sebahagian. Kita mesti mengukur nilai diri dan masyarakat kita bukan semata-mata dengan sifatnya tetapi juga dengan amalannya. Sesuatu masyarakat yang pasif atau aktif, seperti masyarakat kita ini masih boleh dipandang “baik” dari segi moral selama iaitu tidak membawa mudarat. Tetapi kebaikan seperti itu tidak cukup dalam Islam.

Falsafah akhlak Islam berpendirian bahawa tidak jahatnya atau tidak memberi mudaratnya seseorang atau sesuatu masyarakat itu tidaklah dapat meletakkan ke taraf “baik”. Kebaikan yang dikehendaki dalam Islam ialah

bahawa iaitu wujud tidak memberi mudarat tetapi memberi manfaat menurut asas Islam. Nilai inilah yang mesti iita gunakan dalam masyarakat kita sekarang supaya positif Islam itu diperhatikan. Kalau ini kita pakai-dan iaitu wajib dipakai- maka kita akan menjadi umat mencipta, bukan hanya umat mencita seperti sekarang ini.

MUKTAMAR PEMUDA ISLAM SEDUNIA

Dalam bulan Januari yang lalu. “Muktamar Pemuda Islam Sedunia” (*Mu'tamar al-Shabāb al-‘Ālim al-Islāmī*) yang telah bersidang di Karachi telah dirasmikan sebagai sebuah pertubuhan yang berpelembagaan, yang bertujuan mengalirkan usaha-usaha pembangunan dan perpaduan umat Islam. Semua orang Islam-lelaki dan perempuan-yang berumur antara 16 hingga 40 tahun berhak menjadi ahlinya.

Bahasa rasmi pertubuhan ini ialah Arab dan Inggeris dan ibu pejabatnya bertempat di Karachi.



Wanita-wanita Islam yang telah menghadiri Muktamar Pemuda Islam di Karachi.